

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadhrat Allah SWT atas keizinan dan kurniaNya kita dapat berkumpul di Majlis Penyampaian Hadiah bagi Kolej Yayasan Saad pagi ini. Saya sangat berterima kasih kepada pihak Kolej yang menjemput saya ke Majlis ini yang saya kira satu penghormatan bagi saya. Bidang pendidikan selain bidang ekonomi sangat-sangat menarik minat diri saya; walaupun saya seorang ahli politik, “education is in my blood”, dan kedua-dua bidang ekonomi dan pendidikan adalah penting bagi negara kita untuk maju ke depan dan bagi anak bangsa kita menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang.

2. Sebagai anak didikan dan pewaris dalam politik kepada Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kedua dan pengasas Dasar Pendidikan Negara, saya sentiasa mengikuti perkembangan dalam bidang pendidikan, terutama kesannya ke atas pembangunan ekonomi dan masyarakat. Memang jauh perjalanan kita sejak era Tun Razak, tetapi kebelakangan ini nyata beberapa trend yang mengkhawatirkan saya. Perkara-perkara ini harus ditangani segera dan dengan bersungguh-sungguh jika kita ingin mencapai status negara maju, sejahtera, adil dan saksama.

Dif-dif yang dihormati sekalian,

3. Sejak merdeka, Kerajaan Malaysia telah banyak berbelanja dalam bidang pendidikan di semua peringkat dari bangku sekolah ke institusi pengajian tinggi. Belanjawan pendidikan bagi Malaysia sebagai pecahan dari Keluaran Negara Kasar adalah dua kali ganda negara-negara jiran dalam ASEAN, dan lebih tinggi dari Jepun dan Korea Selatan; malah ia standing dengan negara-negara maju dalam kumpulan OECD pada tahun 2011. Dalam tahun 2008, Malaysia ditarafkan tempat ke-16 di antara 102 negara bagi peratusan perbelanjaan kerajaan bagi pendidikan semua peringkat. Bagi tahun 2010, belanjawan pendidikan asas bagi seorang pelajar adalah tertinggi bagi Malaysia dibandingkan dengan negara Chile, Turki, Romania dan Mexico di antara negara-negara yang setara dengannya mengikut ukuran ketarafan kuasa beli [“purchasing power parity”]. Dalam Belanjawan 2015, Kerajaan telah memperuntukkan lebih RM56.7bilion, iaitu 21 peratus jumlah Belanjawan Kerajaan Persekutuan untuk tahun depan, yang merupakan yang terbesar di antara bidang-bidang belanjawan yang lain. Dari jumlah

peruntukan bagi pendidikan, 21 peratus adalah untuk pengajian tinggi. Sangat nyatalah dari statistik yang diajukan ini bahawa Kerajaan Malaysia memang memberi tekanan kuat terhadap perbelanjaan pendidikan.

4. Yang malangnya, perbelanjaan pendidikan yang tinggi ini dibandingkan dengan Keluaran Negara Kasar tidak berbaloi, sekurang-kurangnya tidak memberi pulangan terhadap kualiti atau peningkatan penghasilan mutu dalam pendidikan. Dari segi perbelanjaan per kapita, Malaysia membelanja empat kali ganda untuk pendidikan tinggi berbanding pendidikan rendah dan menengah. Dari segi pulangan kepada pelaburan, ratio atau dividen pendidikan kerajaan harus memberi tekanan lebih kepada pendidikan rendah dan menengah, terutamanya yang boleh meningkatkan kemahiran. Dengan cara demikian, kedudukan ekonomi negara akan lebih baik jika taraf pendidikan kalangan tenaga kerja negara bertambah tinggi. Inilah satu-satunya cara untuk menaikkan negara ke taraf ekonomi bergaji tinggi [“high wage economy”], melalui peningkatan produktiviti. Bukan semata-mata mengejar ekonomi berpendapatan tinggi [“high income economy”] untuk mencapai status negara maju. Ini kerana lebih 85 peratus penduduk Malaysia merupakan orang yang makan gaji, bukan pemilik harta atau bekerja sendiri. “Menurut Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), tahap produktiviti pekerja negara ini adalah jauh lebih rendah daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom, Korea Selatan dan Singapura. Purata pekerja Malaysia mencatatkan nilai produktiviti hanya sebanyak RM43,952 setahun. Berbanding pekerja Amerika Syarikat mengungguli senarai dengan tahap produktiviti sebanyak RM285,558 setahun, diikuti oleh pekerja di Jepun RM229,568 dan Hong Kong RM201,485. Ini bermakna pekerja Malaysia bekerja dalam tempoh yang lebih panjang berbanding negara lain, namun menghasilkan pulangan yang lebih rendah.” “Hanya 80% dari tenaga kerja seluruh Malaysia mempunyai kelayakan pendidikan setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)”.

5. Yang lebih membimbangkan saya ialah kedudukan mutu penghasilan pelajaran negara kita. Walaupun membelanjakan begitu tinggi per kapita dalam perbelanjaan sektor pendidikan, kita masih ketinggalan mutu atau pencapaian pelajar-pelajar kita dibanding dengan negara yang setaraf dari segi pendapatan atau kuasa beli dengan kita. Sebagai perbandingan, dalam ujian TIMMS (Trends in International Mathematics and Science Study) bagi pencapaian matematik, Malaysia telah jatuh dari 520 dalam tahun 1999 kepada 440 bagi tahun 2011. Dan dalam TIMMS bidang sains, kedudukan kita telah menurun dari 510 dalam tahun 2003 kepada 426 tahun 2011 - menurun, bukan naik! Bagi ujian PISA (Programme for International Student Assessment) dalam sains, matematik dan bacaan pula, dalam tahun 2012 negara kita Malaysia berkedudukan bawah dari purata dunia bagi negara yang sama pendapatan negara per kapita. Jelaslah, walaupun kita banyak membelanjakan wang untuk pendidikan negara, iaitu lebih tinggi dari negara-negara lain setaraf dengan kita, mutu pencapaian negara kita mengikut ujian PISA, satu ukuran antarabangsa, pada puratanya lebih rendah dari apa yang kita harapkan untuk menuju kepada ekonomi yang berasaskan ilmu [“knowledge based economy”]. Keputusan ini menunjukkan pelajar-pelajar kita yang berumur 15 tahun menampakkan mereka ini berkedudukan 3 tahun lebih ke belakang jika dibandingkan dengan mereka yang umurnya

yang sama daripada Singapura, Korea, Cina, Jepun dan termasuk daripada Vietnam yang dahulunya di belakang kita.

6. Dalam ukuran antarabangsa ini, dari jumlah 65 buah negara, kita berada pada tangga ke-59 dalam bacaan, tangga ke-52 bagi matematik, dan ke-53 dalam bidang sains. Tapi bagi pelajar kita yang di peringkat peratus ke atas, pencapaian kita dalam ketiga-tiga bidang tersebut adalah setanding dengan Korea Selatan dan Jepun. Memandangkan hal ini pada keseluruhannya, tidak hairanlah kerajaan kita perlu menumpukan perhatian yang lebih kritikal dalam hal belanjawan dan kesannya ke atas pencapaian dan mutu pendidikan di negara kita ini. Usaha ini terdapat dalam bentuk Blueprint Transformasi Pendidikan yang telah dilancarkan oleh kerajaan awal tahun ini. Saya berdoa semoga usaha ini berjaya mencapai sasaran demi kepentingan ekonomi dan generasi akan datang. Sehubungan dengan ini, kerajaan perlu mengkhusus bukan saja kepada prasarana yang baik, tetapi juga kepada keberkesanan kurikulum dan proses pengajaran serta pembelajaran, dan kualiti guru-guru yang mengajar anak-anak kita.

7. Cuba kita lihat kepada proses pembelajaran yang sangat penting bagi seseorang pelajar sebab ianya mempengaruhi bagaimana anak-anak murid maju dalam pembelajarannya. Kita hantar anak-anak kita untuk belajar, tidak ada lain sebab, supaya dia akan disediakan dengan ilmu dan kepandaian untuk berjaya apabila lulus dari persekolahan atau universiti. Tetapi, sistem pendidikan kita, sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi, bergantung kuat kepada sistem berasaskan peperiksaan, bukan berasaskan pembelajaran, berasaskan discovery dan pemikiran kritikal. Pembelajaran “rote learning” atau membabi buta sahaja tidak akan membolehkan pelajar untuk meningkatkan daya fikir dan daya penyelesaian masalah [“problem solving”] yang amat penting bagi dunia kerja kelak, dan untuk menjadikan pelajar itu warga yang berfikir, berdisiplin dan bertanggungjawab. Di sinilah kita, sebagai guru atau ibubapa janganlah mengagungkan sangat pencapaian 13 “A” dalam peperiksaan am seperti PMR dan SPM. Ini hanya akan menggalakkan “rote learning”, mekanikal dan tidak membuka minda pelajar. Bagi akhbar-akhbar tempatan, atau di negara mana pun, pencapaian kuantitatif seperti ini bukan “glamorous” lagi!

Dif-dif yang dihormati sekalian,

8. Seperkara lagi yang membimbangkan saya, demi masa depan anak bangsa dan ekonomi negara kita, ialah kedudukan pengangguran di kalangan anak muda dan graduan institusi pengajian tinggi di negara kita dewasa ini. Di kalangan anak muda berumur antara 15 sehingga 19 tahun, kadar pengangguran ialah 15% dalam tahun 2011, atau 78,000 jumlahnya; dan di kalangan mereka yang berumur 20 ke 24 tahun, kadar penganggurannya 8.5% atau jumlahnya 157,000. Di kalangan graduan pula, keadaan lebih teruk. Dalam tahun 2013, Bank Dunia telah

menganggarkan kadar pengangguran di kalangan graduan telah mencecah 21%; di kalangan pemegang STPM/Diploma purata penganggurannya ialah 13%, di kalangan PMR-SPM/SPMV 10%. Pengangguran di kalangan anak muda kita adalah antara yang tertinggi di rantau Asia melainkan Indonesia. Tak kiralah keadaan di Eropah lebih buruk. Tetapi kita tidak harus bersenang hati dengan keadaan ini. Jika ekonomi negara menghadapi krisis, yang kita jangka dalam masa terdekat, masalah pengangguran belia ini sungguh membimbangkan.

9. Yang menjadi isu yang lebih besar dalam hal pengangguran ini ialah taraf kemahiran yang ada pada anak muda ini; apa yang kita keluarkan dari sekolah dan institusi pengajian tinggi kita sekarang semakin kurang menggalakkan jika diambil kira keperluan industri. Mengikut Bank Dunia, dalam Laporan Ekonomi Malaysia 2009, yang menyentuh maklumbalas dari majikan tentang keupayaan pelajar lepasan pengajian menengah dan tinggi, terdapat beberapa konstrain atau kekurangan kemahiran dalam beberapa bidang. Empat puluh lapan peratus (48%) dari majikan yang dibanci menyatakan kekurangan keupayaan IT di kalangan graduan muda kita, 46% melaporkan kekurangan Bahasa Inggeris, 37% melaporkan kekurangan dalam kebolehan am berkomunikasi, 30% dalam keupayaan kreativiti, dan 28% berkata kekurangan kemahiran teknikal/profesyenal, dan 25% dalam penyelesaian masalah ["problem solving"]. Dalam kajian Talent Corp bagi 2014, didapati 81% majikan melaporkan defisit kemahiran di kalangan graduan baru lepasan universiti negara kita dalam bidang kemahiran komunikasi; 56% dalam pemikiran kritikal dan kreatif; 51% defisit dalam kemahiran analisis; dan 47% mengatakan mereka kurang upaya bekerja secara sendiri atau bebas, tanpa tunjuk ajar.

10. Yang penting bagi pembuat dasar dari laporan ini ialah tiga perkara yang disimpulkan dari maklumbalas majikan-majikan: satu, kualiti pengajaran di peringkat universiti harus dipertingkatkan supaya graduannya dapat menguasai konsep-konsep yang penting dalam kerja mereka; kedua, kurikulum universiti haruslah diubahsuai supaya lebih tertuju kepada keperluan industri; dan ketiga, universiti dan kolej harus menyediakan latihan industri yang lebih banyak dan berkesan. Semua penemuan tentang kualiti tenaga manusia ini mempunyai implikasi yang besar terhadap ekonomi negara, dari segi sumbangan produktiviti dan inovasi serta daya saing negara di pasaran dunia. Negara kita tidak akan terlepas dari 'perangkap negara berpendapatan menengah' ["middle income trap"] jika perkara berkaitan mutu pendidikan dan tenaga kerja negara tidak dapat diatasi dengan baiknyanya.

11. Dalam hal ini, saya ingin menekankan isu Bahasa Inggeris dan keupayaan pelajar-pelajar di semua peringkat untuk berkomunikasi dengannya. Perkara ini tidak boleh diperkecilkan kepentingannya: kita selalu terperangkap dengan emosi sempit apabila berdepan dengan soal ini. Bahasa Inggeris adalah 'lingua franca' ekonomi dunia, tapi mutu pencapaian lulusan tinggi kolej dan universiti kita semakin kurang dibanding dengan negara-negara yang dahulunya terkebelakang dari negara kita. Ini perlu dipandang serius oleh kerajaan dan rakyat semuanya. Menekankan pelaksanaan pengajian Bahasa Inggeris bukan semestinya mengurangkan

Daya Produktivi Tinggi Perlu Untuk Maju

Written by Tengku Razaleigh Hamzah
Saturday, 15 November 2014 10:47 -

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Semenjak dari Laporan Razak dalam tahun 1956 lagi, Bahasa Inggeris telah ditekankan sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah dan universiti-universiti. Apa sudah terjadi sampai kita sekarang berhadapan dengan masalah bahasa komunikasi antarabangsa ini? Banyak kajian telah menunjukkan majikan lebih berkenan dengan graduan yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, dan inilah sebabnya mengapa mereka lebih suka mengambil pekerja yang berkeupayaan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris. Dalam usaha memperkasakan Sistem Sekolah Kebangsaan kita, saya cadangkan perkara ini ditekankan dari segi kurikulum, dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Malah saya sarankan, pihak berkuasa mengkaji samada bahasa-bahasa lain seperti Mandarin, Perancis, Jepun, Arab dan Tamil juga ditekankan sebagai bahasa pilihan untuk meningkatkan lagi nilai ekonomi pelajar kita untuk kita bersaing dan berhubungan di pasaran dunia.

Dif-dif yang dihormati sekalian,

12. Pendidikan adalah amat penting dalam memupuk perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama; dalam meningkatkan nilai-tambah untuk pembangunan ekonomi negara; dalam penambahan dan pembesaran kelas menengah melalui mobiliti sosial dan mewujudkan pembangunan yang lebih inklusif dan adil; dan dalam mengembangkan tamadun negara bangsa. Semua kita, pemimpin, pemerintah, guru, ibubapa dan anak-anak pelajar kita boleh memainkan peranan masing-masing dalam usaha besar ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Daya Produktivi Tinggi Perlu Untuk Maju

Written by Tengku Razaleigh Hamzah
Saturday, 15 November 2014 10:47 -

Ucapan Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah Sempena Hari Ucapan dan Penyampaian
Hadiah ke-19 Kolej Yayasan Saad Melaka Pad
a Hari Sabtu, 15hb November 2014, Jam 9.30 Pagi

Bertempat Di Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh, Melaka.